



IKLAN JAWATAN KOSONG

Kami adalah tunggak kejayaan ekonomi ummah dan pengurusan haji terbilang. Seiring dengan visi dan misi **TH**, pelawaan dibuka kepada **Warganegara Malaysia (Islam)** yang berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti berikut:-

1.	PENGURUS (PENYELIDIKAN PELABURAN) <i>1 kekosongan di Jabatan Pelaburan</i>
----	--

1.1. TANGGUNGJAWAB

- a) Membuat kajian dan analisa serta lawatan ke syarikat-syarikat yang akan/telah tersenarai di Bursa Malaysia dari semasa ke semasa.
- b) Menghadiri mesyuarat-mesyuarat serta menyumbang idea dan membentangkan perkembangan semasa mengenai sektor dan syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia.
- c) Menjalinkan hubungan baik dan mengadakan perbincangan dengan badan-badan kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi, Kerajaan Negeri dan MITI untuk mendapatkan peluang-peluang pelaburan dan membolehkan **TH** melibatkan diri dengan projek-projek yang halal di dalam dan luar negara yang mempunyai potensi berkembang dalam jangka masa panjang.
- d) Menyediakan kertas kerja cadangan penyertaan pelaburan oleh **TH** dalam syarikat tercatat untuk Jawatankuasa Penilaian Portfolio, Panel Pelaburan dan Lembaga Pengarah serta kelulusan Menteri.
- e) Membuat urusan pemantauan ke atas pelaburan yang disertai oleh **TH** dari semasa ke semasa untuk memastikan prestasi pelaburan menepati syarat penyertaan oleh **TH**.

1.2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a) Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perniagaan dari Universiti-universiti tempatan yang diiktiraf atau yang setaraf dengannya; **DAN**
- b) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

- c) Mempunyai tiga (3) tahun pengalaman bekerja di dalam bidang yang berkaitan.

2.	PENGURUS (PEMBANGUNAN PELABURAN) <i>1 kekosongan di Jabatan Pelaburan</i>
-----------	---

2.1. TANGGUNGJAWAB

- a) Membuat kajian dan laporan berkala bagi Pelaburan Dana Ekuiti Swasta.
- b) Menghadiri mesyuarat mingguan "Stock Selection".
- c) Memantau dan membuat kerja-kerja susulan ke atas status pelaburan Dana Ekuiti Swasta dari masa ke semasa untuk memastikan prestasi pelaburan menepati syarat penyertaan oleh **TH**.
- d) Bertindak sebagai Sekretariat Mesyuarat Portfolio Review Committee (PRC)
- e) Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Penguru Besar Kanan Pelaburan dan Pengurus Besar Pembangunan Pelaburan.

2.2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a) Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perniagaan dari Universiti-universiti tempatan yang diiktiraf atau yang setaraf dengannya; **DAN**
- b) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- c) Mempunyai tiga (3) tahun pengalaman bekerja di dalam bidang yang berkaitan.

3.	AHLI EKONOMI <i>1 kekosongan di Jabatan Pelaburan</i>
-----------	---

3.1. TANGGUNGJAWAB

- a) Menyediakan jangkaan ekonomi untuk pasukan pelaburan.
- b) Menyelia operasi penyelidikan ekonomi.
- c) Menjadi sebahagian daripada pasukan yang menentukan strategi pelaburan.
- d) Menghadiri mesyuarat alokasi aset yang diadakan setiap minggu.
- e) Menghadiri mesyuarat dan perbincangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi dan pelaburan.

3.2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a) Memiliki Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti-universiti tempatan yang diiktiraf atau yang setaraf dengannya; **DAN**
- b) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- c) Mempunyai lima (5) tahun pengalaman bekerja sebagai Ahli Ekonomi;
- d) Memiliki pengetahuan yang luas ekonomi global, serantau dan Malaysia;
- e) Mesti berpengetahuan dalam garis panduan yang berkaitan – Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Saham Malaysia;
- f) Memiliki kemahiran pembentangan, analisa dan kuantitatif yang tinggi, komunikasi pertuturan dan penulisan, mengelola dan mengurus yang cemerlang serta kemahiran pembangunan sumber manusia.

4. PEGAWAI UNDANG-UNDANG (KESETIAUSAHAAN)

1 kekosongan di Bahagian Perundangan

4.1. TANGGUNGJAWAB

- a) Bertanggungjawab menyediakan sokongan dan bantuan secara efektif kepada Penasihat Undang-Undang dalam menjalankan tugas-tugas kesetiausahaan korporat serta bertanggungjawab memastikan pematuhan statutori portfolio **TH** dan anak-anak syarikat **TH**.
- b) Mengendalikan mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa-Jawatankuasa, menjalankan kerja-kerja pelaksanaan keputusan-keputusan yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah.
- c) Memantau strategi, polisi, prosedur dan pelan tadbir urus **TH** dan anak-anak syarikat **TH**.

4.2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan kepujian dari Universiti-Universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **DAN**
- b) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- c) Merupakan ahli ICOSA/MAIOSA atau pemegang Lesen Setiausaha Syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia;

- d) Mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) tahun pengalaman mengendalikan kesetiausahaan korporat;
- e) Berpengetahuan luas mengenai Akta Syarikat, 1965 dan peraturan serta kehendak badan-badan yang berkaitan seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia;
- f) Mempunyai keperibadian terpuji, sentiasa komited, teliti dan pro-aktif;
- g) Mampu berkomunikasi dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik;
- h) Mahir dalam mengendalikan perisian komputer.

5. PEGAWAI UNDANG-UNDANG (NASIHAT KORPORAT)

1 kekosongan di Bahagian Perundangan

5.1. TANGGUNGJAWAB

- a) Membantu Penasihat Undang-Undang dalam memberi khidmat nasihat di dalam semua aspek perundangan dengan pengkhususan kepada urusan korporat serta undang-undang syarikat dan sekuriti bagi memastikan pematuhan kepada akta, garis panduan, arahan serta peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia, Suruhanjaya Syarikat, Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan lain-lain pihak berkuasa yang berkenaan.
- b) Membantu Penasihat Undang-Undang untuk menyedia dan menyemak dokumen-dokumen perundangan seperti perjanjian, kontrak, 'memorandum of understanding', surat ikatan hak dan lain-lain yang berkaitan dengan hal perundangan korporat.
- c) Membantu Penasihat Undang-Undang di dalam hal-hal yang berkaitan dengan penggubalan undang-undang, peraturan-peraturan ('regulation'), panduan-panduan ('guidelines'), pekeliling ('circulation'), kaedah-kaedah serta menyediakan draf-draf yang berkenaan.
- d) Membantu Penasihat Undang-Undang untuk menyemak draf-draf perjanjian, kontrak, 'memorandum of understanding', instrumen-instrumen kewangan dan pelaburan serta dokumen-dokumen perundangan sebelum ianya ditandatangani oleh **TH** dan/atau anak-anak syarikat **TH**.
- e) Membantu Penasihat Undang-Undang memantau dan mengendalikan isu-isu pematuhan termasuk keperluan perundangan dan peraturan berkaitan operasi dan pelaburan **TH** dan anak-anak syarikat **TH**.

- f) Membuat kajian undang-undang berhubung dengan perkara-perkara dan isu-isu yang berkaitan sepertimana yang diarahkan oleh Penasihat Undang-Undang.
- g) Mengendalikan tugas dan perkara-perkara berkaitan dengan hal perundangan yang diarahkan oleh Penasihat Undang-Undang dari semasa ke semasa.

5.2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan kepujian dari Universiti-Universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **DAN**
- b) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- c) Mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) tahun pengalaman mengendalikan hal-hal berkaitan perundangan korporat;
- d) Mempunyai keperibadian terpuji, sentiasa komited, teliti dan pro-aktif;
- e) Mampu berkomunikasi dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik;
- f) Mahir dalam mengendalikan perisian komputer.

6. PERMOHONAN

- 6.1. Calon-calon yang berminat boleh menghantar 'resume' dengan menyatakan **gaji yang dipohon, sijil-sijil akademik, sijil-sijil lain yang berkaitan, sekeping gambar terkini berukuran passport** serta **menulis nama jawatan yang dipohon** pada sampul surat selewat-lewatnya sebelum atau pada **hari Jumaat, 29 Januari 2010** jam **5.00 petang** ke :-

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, L27,
Lembaga Tabung Haji, 201 Jalan Tun Razak,
Peti surat 11025,
50400 Kuala Lumpur.**

Hanya calon-calon yang berkelayakan dan terpilih sahaja akan dipanggil temu duga. Jika calon-calon tidak dihubungi dalam tempoh **tiga (3)** bulan dari tarikh tutup permohonan maka permohonan mereka dianggap tidak berjaya.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 JANUARI 2010